



- 1. PEGAWAI KESEJAHTERAAN  
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.6 (\$1,515 - \$2,370 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Kaunseling atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji C.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji D.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji C.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tanggagaji D.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 8 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KESEJAHTERAAN:**

1. Mengawasi serta mengurus hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan, kesihatan, keselamatan dan keagamaan penuntut-penuntut di waktu persekolahan.



2. Menjadi Setiausaha Jawatankuasa peraturan dan disiplin kampus.
3. Menjadi penghubung antara kampus dengan penjaga penuntut-penuntut.
4. Memberi pandangan kepada pihak kampus tentang lantikan Ketua Pelajar.
5. Menjadi ahli jawatankuasa kampus dan asrama.
6. Melibatkan diri dalam hal ehwal keagamaan (kegiatan kampus dan asrama).
7. Membantu pihak kampus merancang kegiatan atau program untuk meningkatkan pencapaian penuntut-penuntut yang berkaitan dengan perkembangan akademik, kokurikular, keagamaan, sosial dan kemahiran hidup penuntut-penuntut serta tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak pentadbiran kampus dan Kementerian Pendidikan.